

18/09/2002

Cari universiti lain: PM (HL)

Kadir Dikoh; Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - Malaysia mungkin mencari destinasi alternatif bagi pelajar yang gagal meneruskan pengajian di Amerika Syarikat kerana masalah visa supaya pendidikan mereka tidak tergendala, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang menyifatkan keengganan Amerika mengeluarkan visa kepada kira-kira 150 pelajar lelaki Islam itu sebagai amat malang, berkata kerajaan akan mencari jalan lain bagi kepentingan pelajar berkenaan.

"Sudah tentu kita akan terpaksa mencari jalan bagi membolehkan mereka ini meneruskan pengajian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar kebangsaan "Memahami Malaysia sebagai sebuah negara Islam" di Dewan Jubli Perak di sini.

Laporan akhbar hari ini memetik Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin berkata, lebih 150 pelajar lelaki Malaysia yang pulang bercuti gagal meneruskan pengajian mereka di Amerika kerana keengganan negara itu mengeluarkan visa kepada mereka sejak bulan lalu.

Selain itu, kira-kira 1,000 pelajar termasuk yang lulus cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, masih menunggu permohonan visa mereka untuk melanjutkan pelajaran di Amerika.

Berdasarkan rekod Kedutaan Malaysia di Washington, ada kira-kira 8,000 pelajar Malaysia di pelbagai universiti di seluruh Amerika sekarang.

Dr Mahathir berkata, kejadian itu amat malang sekali kerana mereka terdiri daripada pelajar, bukan penganas.

Ditanya sama ada Malaysia akan menghantar nota bantahan kepada Amerika mengenai perkara itu, Perdana Menteri berkata biasanya tindakan seumpama itu tidak dilakukan tetapi isu berkenaan akan dibincangkan dalam Kabinet.

Mengenai tindakan Amerika itu sebagai menafikan hak asasi individu bagi mendapatkan pendidikan sedangkan kuasa besar itu selama ini kerap melaungkan isu hak asasi manusia dari semua aspek, beliau berkata itu adalah hak Amerika.

"Memanglah, itu negara mereka. Saya fikir mereka ada hak. Kita juga ada hak melarang orang, (termasuk) golongan yang tidak diingini, daripada memasuki negara kita," katanya.

Beliau berkata, peraturan Amerika menyekat kemasukan pelajar lelaki Islam dari Malaysia itu adalah keputusan negara berkenaan dan tidak boleh dipersoalkan.

"Itu keputusan mereka, negara mereka. Saya tidak mahu soal tetapi jangan pula datang dan campur tangan dalam pentadbiran negara kita," katanya.

Ditanya sama ada tindakan itu ada kaitan dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, Dr Mahathir berkata perkara itu terpaksa dihadapi.

"Apabila kita berpegang kepada yang benar memang begitulah harga yang terpaksa dibayar. Yang itu kita terima. Kita tidak harus khuatir, curiga atau berasa takut untuk menyatakan yang benar.

"Kesannya kita terimalah, apa nak buat," katanya merujuk kepada perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam sebelum ini. Sebelum ini, Malaysia turut dinamakan sebagai pusat pelancaran bagi penganas yang disyaki terbabit dalam serangan 11 September.

Sementara itu, Wan Esuriyanti Wan Ahmad melaporkan dari WASHINGTON, Amerika Syarikat memberi jaminan untuk mempercepatkan proses pengeluaran visa bagi pelajar berkenaan.

Jaminan itu diberikan oleh Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Gabenor Tom Ridge dalam pertemuannya dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi di Rumah Putih, hari ini.

Bagaimanapun, Ridge tidak menetapkan sebarang tempoh masa bagi proses pengeluaran visa berkenaan.

"Ridge mengatakan kepada saya bahawa dia akan berusaha dan memberi perakuan bahawa tempoh menunggu untuk mendapatkan visa akan dikurangkan secepat mungkin bagi pelajar Malaysia," kata Abdullah kepada wartawan Malaysia di hotel penginapannya di sini.

Abdullah berkata, Amerika belum mengeluarkan visa kepada pelajar terbabit kerana kawalan ketat pihak berkuasa negara ini berikutan ulang tahun peristiwa 11 September.

"Hampir semua pelajar yang belum mendapat visa itu terdiri daripada lelaki dari pelbagai bangsa, manakala jumlah pelajar persendirian yang belum mendapat visa belum diketahui.

"Dulu tak pernah ada masalah tetapi sejak keputusan Amerika untuk mengambil langkah-langkah keselamatan ekoran ancaman pengganas, pelajar ini yang menjadi mangsa," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau juga maklumkan kepada Ridge harapan kerajaan supaya tidak dicap sebarangan, hanya kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam dan Kuala Lumpur pernah disebut sebagai tempat pertemuan beberapa pemimpin al-Qaeda sebelum serangan 11 September.

Beliau juga menegaskan kepada Ridge bahawa Islam sebagai sebuah agama yang mencintai keamanan, sedia bekerjasama dengan mana-mana negara bagi tujuan kedamaian dunia.

"Kita memaklumkan kepada Amerika mengenai rancangan Malaysia untuk menubuhkan pasukan kawalan pantai yang diputuskan jemaah menteri baru-baru ini. Ridge bersetuju untuk bekerjasama dengan Malaysia terutama berkongsi pengalaman Amerika menstruktur pasukan kawalan pantai mereka.

"Pada masa sama, kami juga bersetuju untuk meneruskan pertukaran maklumat mengenai hal berkaitan jenayah dan keganasan antarabangsa," katanya.

Dalam pertemuannya dengan Penasihat Keselamatan Negara Amerika, Condoleezza Rice, Abdullah menyatakan pendirian Malaysia mengenai hasrat Amerika untuk menggunakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq.

Beliau menegaskan pendirian Malaysia bahawa kemungkinan keganasan lebih meningkat jika Amerika meneruskan cadangan untuk menyerang Iraq selain ia menimbulkan kemarahan negara Islam.

"Rice berpandangan perkara itu tidak akan berlaku (keganasan) kerana ketika tindakan diambil sewaktu Perang Teluk, tidak timbul isu keganasan. Saya membidas pandangannya kerana pada masa itu, isu (keganasan) tidak timbul.

"Itu pandangan dia, namun Rice mengatakan yang Amerika akan menyerah isu berkenaan kepada PBB sebelum membuat sebarang keputusan," katanya.

Abdullah berkata, Rice juga menjelaskan bahawa Amerika tidak bersikap anti-Islam dan pentadbiran Presiden George W Bush berusaha mengurangkan persepsi bahawa Amerika mempunyai sentimen berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Amerika Dick Cheney dan dua ahli Kongres, Dick Armey dan Tom De Lay, esok.